



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	3/1/2020	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Paras amonia tinggi dikesan di Sungai Muar

**MUAR** - Seramai 7,000 pemilik akaun di daerah ini akan mengalami gangguan bekalan air berikutan paras amonia tinggi dikesan di Sungai Muar sejak kelmarin.

Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor, Jimmy Pua Wee Tse berkata, akibat masalah itu Loji Rawatan Air (LRA) Panchor 3 tidak beroperasi sepenuhnya sekali gus membawa

kepada pengurangan air bersih terawat sebanyak 20 peratus.

“Kita masih menyiasat punca sebenar yang berlaku. Badan Kawal Selia Air Negeri Johor dan Ranhill SAJ akan mengadakan mesyuarat bagi mengetahui bila kita dapat memulihkan sepenuhnya bekalan air kepada kawasan yang terjejas.

“Buat masa ini situasi sudah terkawal dan saya berha-

rap pengguna dapat bertahan sementara kami menyelesaikan masalah ini secepat mungkin,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, Ranhill SAJ dalam satu kenyataan memaklumkan siasatan di sungai berkenaan mendapati bacaan amonia telah melebihi 2.5 ppm yang mana mengakibatkan LRA Panchor 3 mengalami masalah.